

Badan berasaskan dana awam disaran teroka bidang kepakaran

Pemantauan lebih teliti jadi budaya baharu dalam pengurusan, laksana program

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan badan berasaskan dana awam supaya tidak dijadikan seperti 'badan swasta' dalam memberi fokus terhadap aspek pengurusan dan pelaksanaan programnya.

Perdana Menteri menegaskan, ini bagi memastikan tiada sebarang 'ketelanjangan' yang cenderung kepada kepentingan perniagaan, ahli lembaga dan penguasanya.

Beliau berkata, saranan melalui Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) supaya pemantauan lebih teliti dan cermat dibuat, akan dijadikan sebagai budaya baharu untuk badan berasaskan dana awam.

"Kita harus terima hakikat bahawa badan seperti MRANTI (Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation) serta seluruh keluarga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) diasaskan dengan dana awam.

"Dalam memastikan pelaksanaan program, jangan ada keterlanjuran apabila memberikan fokus.

"Jangan jadikan badan ini sebagai badan swasta yang kadang kala melihat kepentingan perniagaan sahaja dan ahli lembaga



Anwar menyerahkan kaki palsu kepada Ahmad Fadhlil Rushdan sambil diperhati Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Mohammad Yusof Apdal (kanan) pada majlis pelancaran MCY Summit 2024 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

serta pengurusannya," katanya berucap pada perasmian Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit) 2024, di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pihak pengurusan badan berasaskan dana awam tidak harus terikat dengan prosedur dan kerangka tetap, se-

baliknya perlu bersedia membuka lembaran baharu dan menerjah ke bidang kepakaran.

"Pengurusan tidak seharusnya meneruskan kerja lama sahaja

PM nafi akan ada rombakan Kabinet

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan kerajaan akan melakukan rombakan Kabinet tidak lama lagi.

Anwar berkata, beliau tidak mengetahui dan mendengar sama sekali berhubung perancangan rombakan Kabinet itu.

"Saya baharu diberitahu, ti-

dak dengar lagi... siapa yang hendak tolong 'reshuffle' (rombak)... saya tidak dengar serius," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit) 2024, semalam.

Beliau berkata demikian menengulas laporan sebuah portal

berita bahawa kerajaan akan melaksanakan satu lagi rombakan Kabinet selepas rombakan pertama tahun lalu.

Ditanya sama ada seorang Menteri Besar akan dilantik dalam Jemaah Menteri, beliau secara berseloroh berkata, perkara itu mungkin berlaku selepas pilihan raya umum.

kerana ia bertentangan dengan semangat inovasi.

"Inovasi ini ibarat meneroka bidang disiplin dan penemuan baharu yang diistilahkan dalam dunia am menggapai apa yang belum dicapai dengan penerokaan baharu," katanya.

Letak sasaran baharu

Dalam konteks inovasi, Anwar berkata, tiba masanya Malaysia meletakkan sasaran baharu dengan bersaing bersama negara luar berbanding hanya memperbaiki prestasi lalu.

Katanya, negara tidak akan merekodkan pencapaian membanggakan jika hanya memperbaiki prestasi lalu, sebaliknya perlu melihat untuk setanding negara luar.

Ketika ini, Perdana Menteri berkata, Kuala Lumpur berada dalam kelompok 30 ekosistem teratas dalam kategori ekosistem membangun menerusi Laporan Ekosistem Startup Global (GSER) 2024.

Katanya, MOSTI melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk menyokong syarikat pemula tempatan dan memupuk persekitaran kondusif untuk pertumbuhan mereka.

"Ia antara lain merangkumi kemudahan pembiayaan, khidmat nasihat, akses pasaran dan lain-lain berkaitan," katanya.

Menurut GSER 2024, dari 1 Julai 2021 hingga 31 Disember lalu, ekosistem syarikat pemula Kuala Lumpur menjana nilai ekosistem lebih daripada RM220 bilion.

Anwar berkata, kedudukan Malaysia di tangga 36 daripada 132 negara dalam laporan Global Innovation Index (GII) 2023, belum membanggakan dan perlu memperbaiki kedudukan pada masa akan datang.